

Penganjur program ditegur usah jemput tetamu terlalu awal

Seri Iskandar: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam menegur penganjur program yang menetapkan kehadiran tetamu terlalu awal sehingga mereka terpaksa menunggu lama sebelum acara bermula.

Berucap pada Majlis Rahmah Mesra MADANI di Universiti Teknologi Petronas (UTP), di sini semalam, beliau berkata, meminta hadir awal sehingga adakalanya perlu

menunggu satu jam lamanya sebelum program bermula, hanya membazirkan masa tetamu dan mengurangkan produktiviti negara.

Menjelaskan perkara itu akan dijadikan arahan bagi penganjur program kerajaan selepas ini, Anwar menjelaskan puncanya: "Saya tengok dalam jadual, ketibaan Perdana Menteri jam 1 tengah hari, ketibaan tetamu jam 12 tengah hari. Apa pasal awal sangat?"

Satu jam tu lama.

"Saya minta semua jabatan kerajaan, kalau urusan program, tukarlah sikit. Insya-Allah ini dijadikan arahan, 10 atau 15 minit sebelum program tak apa, untuk atur duduk dan sebagainya, tapi tak perlu sampai tetamu diminta hadir (awal dan tunggu) begitu lama. Itu bazir waktu dan kurangkan produktiviti".

Sementara itu, Perdana Menteri menegaskan perbezaan

pendapat dibolehkan, namun Islam sudah menggariskan adab, sekali gus menggesa semua pihak tidak terpengaruh dengan fahaman sempit seperti kebencian berasaskan kaum yang merosakkan nilai kemanusiaan.

"Perbezaan pendapat haruslah diuruskan berlandaskan ilmu, bukannya dengan terus bersifat menghukum, apatah lagi mengeluarkan kata-kata kesat. Menghukum itu tugas

qadi atau hakim di mahkamah, dakwah itu dengan hikmah dan bijaksana.

"Kalau bercakap terus dengan maki-hamun, disambung tepukan atau 'Allahuakbar', maknanya yang bercakap tak betul, yang dengar pun jahil," katanya memaklumkan, Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi amat penting untuk guru dan pelajar Islam bagi menangani gejala radikalisme dan ekstremisme.